



Sarawak

Sabah

Nasional

Dunia

Iban

Sukan

Ekonomi

Mahkamah

Rencana

Halaman Utama » Sarawak » Program Gerak Rahmah perkasa aktiviti KRT: Aaron

## Program Gerak Rahmah perkasa aktiviti KRT: Aaron

🕒 2023-06-24T19:08:27+08:00



Aaron (tiga kiri) menyampaikan geran bernilai RM20,000 kepada wakil penerima Kebuniti Madani KRT Daerah Kecil Sungai Asap di Belaga, hari ini.

BINTULU: Program Gerak Rahmah yang merupakan suatu inisiatif di bawah Komuniti Rahmah dilihat mampu memperkasakan aktiviti kawasan rukun tetangga (KRT) di seluruh negara, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, sejak dilancarkan ementerianya pada Februari tahun ini, program itu dilihat membantu menggerak serta mengaktifkan semula program serta aktiviti KRT.

"Bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar, program ini diadakan secara serentak oleh KRT di seluruh negara yang melibatkan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada pelbagai aspek atau bidang seperti kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan sebagainya," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Program Gerak Rahmah 2023: Jom Indah dan Bersih yang diadakan di KRT Uma Belur Leo Dian di Sungai Asap Belaga, hari ini.

Program itu menurut Aaron, dilaksanakan berdasarkan empat gerak kerja utama iaitu KRT Sejahtera, KRT Selamat, KRT Bersih dan Indah dan KRT Sihat.

Beliau berkata, sejak dilancarkan di Gemas, Negeri Sembilan dengan aktiviti pertama iaitu program Jom Sihat, lebih 50 peratus KRT di seluruh negara telah terlibat dalam setiap program Gerak Rahmah yang mana ia akan dilaksanakan secara berperingkat di setiap komuniti.

"Saya melahirkan rasa gembira kerana program ini bukan hanya melibatkan ahli KRT, tetapi turut melibatkan kerjasama bersepadu daripada pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta sekali gus menjadikannya sebuah program yang berjaya serta memberikan impak positif kepada komuniti setempat," ujarnya.

Justeru katanya, beliau sebagai menteri bertanggungjawab mengajak semua komuniti khususnya dalam kawasan KRT mengambil bahagian dan bergiat aktif dalam apa saja program yang dirancang sama ada oleh jabatan atau kementerian berkaitan.

Aaron menjelaskan pada masa sekarang, jumlah KRT di seluruh negara sudah mencecah 8,348 yang mana ia merupakan pencapaian yang harus dibanggakan kementerian kerana dapat membawa komuniti ke arah kehidupan yang lebih baik dengan jalinan kerjasama erat antara satu sama lain melalui setiap aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan.

"Jika satu kawasan dianggarkan mempunyai bilangan isi rumah 1,500 orang, ini menjadikan jumlah ahli yang berada di kawasan KRT sahaja telah berjumlah sebanyak 13 juta orang," jelasnya.

Jumlah ini tambah beliau, menjadikan KRT sebagai ejen perpaduan yang penting dalam komuniti selaras dengan tagline 'KRT sebagai tonggak perpaduan.'

Dalam perkembangan berkaitan, Aaron juga mengadakan lawatan ke Kebuniti Madani KRT Uma Baha Apau Koyan juga di Sungai Asap Belaga.

Beliau dalam pada itu turut menyampaikan geran bernilai RM20,000 kepada Kebuniti Madani KRT Daerah Kecil Sungai Asap.